

'Tiada asas saintifik Beting Sabina rosak'

BH 31/8/2024 pg 44

China sangkal dakwaan Filipina wujud kerosakan terumbu karang di kawasan pertikaian

Beijing: China semalam mengeluarkan laporan tinjauannya yang pertama mengenai Beting Sabina yang menjadi pertikaian di Laut China Selatan dengan menegaskan tiada asas saintifik, mahupun fakta dalam dakwaan Filipina bahawa berlaku kerosakan pada terumbu karang itu.

Menurut laporan dikeluarkan

Kementerian Sumber Asli China bagi tinjauan dijalankan dari Mei hingga Julai lalu itu, nilai indeks habitat utama di kawasan beting berkenaan didapati berada dalam julat pertumbuhan yang sesuai bagi sistem terumbu karang.

"Tiada asas saintifik atau fakta bagi dakwaan Filipina bahawa pengumpulan serpihan terumbu karang buatan China di Terumbu Xianbin telah menyebabkan sejumlah besar kerosakan serta pemutihan terumbu karang di kawasan terbabit," menurut laporan itu.

Terumbu Xianbin - juga dikenali sebagai Beting Sabina - terletak dalam perairan yang menjadi pertikaian di Laut China Selatan, berhampiran Kepulauan Spratly yang dipanggil China sebagai Kepulauan Nansha.

China menuntut kedaulatan

China menuntut kedaulatan ke atas sebahagian besar Laut China Selatan. Pertindihan berlaku apabila Filipina turut menuntut beberapa kawasan di perairan strategik itu yang mencatat nilai perdagangan tahunan sebanyak AS\$3 trilion.

Sebelum ini, Pengawal Pantai Filipina menuduh China membina sebuah pulau buatan di Beting Sabina, manakala Beijing pula mendakwa Manila melalui kapal perangnya melakukan 'pendaratan haram' di Kepulauan Nansha sehingga merosakkan ekosistem terumbu karang di kawasan terbabit.

Dalam laporan itu, China juga mendakwa bahawa sebuah kapal Pengawal Pantai Filipina yang berada di kawasan beting berkenaan 'secara haram' telah



Sebahagian daripada Beting Sabina di Laut China Selatan. (Foto fail AFP)

mengakibatkan kesan buruk terhadap persekitaran semula jadi di situ.

Menurut seorang jurutera kanan di Kementerian Sumber Asli China, kawasan terkesan dengan ombak dan arus kuat itu menyaksikan sauh serta rantai sauh akan menyebabkan kerosakan berterusan pada terumbu di sekelilingnya, malah turut mendakwa Filipina telah banyak kali menghantar bot kecil untuk beroperasi di lokasi terbabit.

Dalam kejadian Ahad lalu berhampiran Beting Sabina, pasukan petugas Filipina di Laut China Selatan mendakwa beberapa kapal milik China bertindak merempuh serta menggunakan meriam air terhadap kapal Biro Perikanan Filipina.

Manila mendakwa bahawa kapalnya itu menghantar makanan, bahan api dan bekalan perubatan kepada nelayan warga Filipina.

REUTERS